

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 3 NOVEMBER 2016 |

Pembelian kapal LMS jadi sejarah penting Malaysia

UM - 3/11/2016

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membeli empat buah Kapal Littoral Mission (LMS) dari China merupakan sejarah penting buat negara memandangkan ia adalah kali pertama Malaysia membeli aset pertahanan dari negara kuasa besar tersebut.



HISHAMMUDDIN

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kapal yang dibina secara bersama antara syarikat Boustead dan China Shipbuilding & Offshore International Company (CSOC) itu dijangka siap sepenuhnya dan sedia digunakan dalam tempoh 24 bulan selepas kontrak ditandatangani.

Katanya, kos pembeliannya ditanggung sepenuhnya oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menerusi peruntukan

Kapal Littoral Mission (LMS) TLDM

Direka untuk memenuhi keperluan misi yang pelbagai dalam persekitaran pesisir termasuk pengawasan dan perisikan.

> Mempunyai 50 buah kapal perang daripada 15 kelas (jenis) diperbuat dari tujuh negara.

> Kesemua kapal tersebut berusia lebih 30 tahun.

> Sebuah kapal selam berpangkalan di Sepanggar, Sabah, LMS dan Kapal Sokongan Pelbagai Fungsi (MRSS)

> TLDM mengenal pasti dan meluluskan pelan jangka panjang, Program Transformasi 15-5 iaitu melaksanakan pengelasan kapal-kapal TLDM daripada 15 kelas kepada lima kelas.

> Enam kapal perang dan kapal peronda generasi baru (NGPV) akan dibina di Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. di Lumut



Program Transformasi 15-5 iaitu sebahagian daripada beberapa inisiatif yang telah dirancang bagi mencapai kecekapan penjimatan.

“TLDM akan menggantikan kapal lama yang memerlukan kos operasi dan selenggara yang tinggi dengan LMS yang diyakini lebih canggih dan kos yang rendah.

“Saya juga percaya kapal LMS ini berupaya memenuhi keperluan semasa TLDM berdasarkan konsep *fit to purpose*, memandangkan kesemua kapal itu direka khas bagi menjalankan misi yang mencabar dan memenuhi standard piawai antarabangsa,” katanya melalui status terbaharu

akaun Facebook miliknya hari ini.

Sementara itu, Panglima Tentera Laut, Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin berkata, pihaknya yakin dengan kemampuan kapal LMS selepas membuat kajian terhadap kapal-kapal perang antarabangsa yang singgah di Pelabuhan Klang.